

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

SOALAN :

YB Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terkini penggunaan perkhidmatan pesakit luar (OPD) di hospital-hospital dan klinik-klinik di bawah Kementerian Kesihatan. Statistik mengikut negeri, bangsa dan status ekonomi pesakit.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, jumlah kedatangan pesakit yang mendapatkan rawatan di Jabatan Pesakit Luar Am di Hospital dan Klinik Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) seluruh negara pada tahun 2013 adalah 37.86 juta. Daripada jumlah ini, 4.48 juta atau 11.8 peratus adalah kedatangan di Jabatan Pesakit Luar Am Hospital, manakala 33.38 juta atau 88.2 peratus adalah kedatangan di klinik. Jumlah kedatangan ini meliputi kedatangan baru dan ulangan.

Jumlah kedatangan di Jabatan Pesakit Luar Am hospital KKM paling tinggi direkodkan di negeri Sabah dengan 1.10 juta kedatangan, iaitu 24.6 peratus daripada jumlah kedatangan di hospital diikuti dengan Perak (0.65 juta atau 14.5 peratus) dan Sarawak (0.62 juta atau 13.8 peratus). Manakala, kedatangan pesakit luar di fasiliti kesihatan awam pula paling tinggi dicatatkan di negeri Johor dengan 4.33 juta kedatangan atau 13.0 peratus daripada jumlah kedatangan di klinik, diikuti dengan Selangor (4.25 juta atau 12.7 peratus) dan Perak (3.92 juta atau 11.7 peratus).

Analisis mengikut kumpulan etnik hanya dapat disediakan bagi kedatangan di klinik sahaja. Pada tahun 2013, kumpulan etnik Melayu mencatatkan 18.74 juta kedatangan, iaitu 56.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kedatangan di klinik. Ini diikuti dengan Cina dan India, masing-masing dengan 5.71 juta (17.1 peratus) dan 4.16 juta (12.5 peratus) kedatangan.

Setakat ini tiada maklumat berkaitan kedatangan pesakit mengikut status ekonomi pesakit.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL
[KUALA KEDAH]**

SOALAN :-

Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan statistik kes-kes yang dibawa ke Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah mengikut negeri, bangsa dan nilai ganti rugi yang diperoleh pembeli. Berapa banyakkah kes yang selesai melalui Tribunal (jumlah kes, peratus dan nilai ganti rugi).

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut statistik pemfailan kes bagi tahun 2012 sehingga Februari 2015, negeri Selangor mencatatkan jumlah tertinggi dalam pemfailan tuntutan di Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) bagi setiap tahun iaitu secara purata sebanyak 52% jumlah pemfailan kes telah diterima (**Lampiran A**).

Statistik dari segi bangsa pula menunjukkan bahawa masyarakat berbangsa melayu adalah merupakan golongan paling banyak memfailkan tuntutan di TTPR sejak tahun 2012 sehingga 2015. Secara purata sebanyak 66.3% pemfailan dibuat oleh masyarakat berbangsa melayu, diikuti masyarakat berbangsa Cina dengan jumlah purata sebanyak 28% (**Lampiran B**).

Jumlah ganti rugi yang telah diawardkan oleh TTPR bagi tahun 2012, sehingga Februari 2015 adalah seperti berikut :-

NILAI GANTI RUGI BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA FEBRUARI 2015

Perkara	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (Setakat Februari) (RM)
Nilai Ganti Rugi	32,532,351.10	18,653,902.20	18,098,403.49	574,709.74
Jumlah	RM69,859,356.53			

Semenjak penubuhan TTPR pada 1 Januari 2003 sehingga 31 Disember 2014, TTPR telah menyelesaikan sebanyak 37,883 kes daripada 38,063 kes yang didengar iaitu bersamaan dengan 99.53%.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2015

LAMPIRAN A

**BILANGAN PEMFAILAN KES MENGIKUT NEGERI
BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA FEBRUARI 2015**

BIL.	NEGERI	2012 (%)	2013 (%)	2014 (%)	2015 (%) (SEHINGGA FEB)	JUMLAH KESEKUTUPAN (%)
1.	SELANGOR	62.1	45	44.2	89.6	52
2.	KEDAH	10.7	17.4	12.6	0	13
3.	TERENGGANU	6	10	6	0	6.7
4.	JOHOR	4.8	8.7	6	0.6	6.3
5.	PERAK	3	4.1	8.3	0.6	5
6.	PAHANG	2.5	5.3	5.1	1.3	4.3
7.	KUALA LUMPUR	3.1	3.1	6.3	1.5	4
8.	PULAU PINANG	3.9	2.6	3.1	0	3
9.	NEGERI SEMBILAN	0.8	0.1	6	4.5	2.5
10.	PERLIS	1.1	2.2	1	0	1.3
11.	KELANTAN	1.1	0.8	0.3	1.3	1
12.	MELAKA	0.9	0.7	1	0.6	0.8
13.	WP LABUAN	0	0	0.1	0	0.1

LAMPIRAN B

**BILANGAN PENUNTUT MENGIKUT BANGSA
BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA FEBRUARI 2015**

BANGSA	PERALIHAN KE BANGSA KUTIPARAN				KESELURUHANN (%)
	2012	2013	2014	2015	
Melayu	67.6	72.3	60.7	55	66.3
Cina	26.2	20	35.6	43.3	28
India	5.1	4.2	3	1.7	3.9
Bumiputera Sabah	0.1	0.1	0	0	0.1
Bumiputera Sarawak	0	0	0	0	0
Lain-lain	1	3.4	0.7	0	1.7